

## **Pengguna Perlu Matang Berkongsi Maklumat Peribadi Di Media Sosial**

Transformasi teknologi dalam media sosial memberi anjakan baharu dalam kehidupan kebanyakan pengguna media sosial. Media sosial merupakan medium untuk berkomunikasi, bersosial dan menjadi sumber rujukan maklumat kepada pengguna. Bukan sahaja digunakan dalam urusan rasmi, media sosial seperti email, facebook, Instagram dan penggunaan aplikasi telefon pintar seperti Whatsapp, Twitter dan Telegram juga telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pertanian dan perniagaan. Hari ini, pengguna yang tidak tahu menggunakan teknologi media sosial akan dilihat lebih ketinggalan.

Pengaruh teknologi dalam media sosial memberi banyak impak dalam kehidupan seharian pengguna pada hari ini. Keadaan ini menyebabkan pengguna terpaksa meletakkan tahap kebergantungan yang terlalu tinggi terhadap teknologi semasa menjalankan pelbagai bentuk urusan harian di alam maya. Bukan itu sahaja, kebanyakan urusan dalam kehidupan harian juga mula didominasi oleh teknologi yang mana akhirnya menyebabkan norma kehidupan pengguna berubah apabila manusia tidak lagi perlu keluar ke kedai untuk mendapatkan barangan namun hanya dengan menekan pad di telefon pintar mahu pun komputer, barangan keperluan yang diinginkan sudah ada di hadapan mata.

Jika dilihat terlalu banyak perubahan dalam norma kehidupan pengguna media sosial pada hari ini yang turut mengubah rutin kehidupan mereka. Kemunculan pelbagai jenis perniagaan dalam talian, pembelian tiket penerbangan, permohonan mendapatkan tempat di institusi pengajian tinggi mahu pun permohonan memperbaharui cukai jalan antara contoh aktiviti yang menyebabkan pengguna perlu berkongsi maklumat peribadi mereka. Implikasinya berlaku perubahan ketara dalam pengawalan maklumat, sumber maklumat mahu pun pengalaman pengguna semasa menggunakan teknologi media sosial. Akhirnya pengguna media sosial lebih cenderung dan terbuka untuk berkongsi segala maklumat peribadi melalui pengkalan data yang dilayari.

Keterbukaan dan kecenderungan berkongsi data peribadi di media sosial telah menimbulkan pelbagai isu yang akhirnya membawa kepada salah laku jenayah. Laporan *Malaysian Computer Emergency Response Team* (MyCERT) pada tahun 2002 mendapati tidak kurang daripada 631 kes berkaitan dengan jenayah komputer telah berlaku di Malaysia. Dari jumlah tersebut, lebih dari separuh membabitkan *hacking* (227 kes), virus komputer (212 kes), dan pencerobohan (57 kes). Angka tersebut bagaimana pun terus menunjukkan peningkatan apabila Ketua Pegawai Eksekutif *CyberSecurity* Malaysia, Datuk Amirudin Abdul Wahab melaporkan lebih daripada 10,000 kes jenayah siber telah berlaku pada 2018 dan membabitkan kira-kira RM184 juta kerugian. Dalam laporan tersebut empat jenis penipuan paling banyak ketika ini membabitkan penipuan telekomunikasi (termasuk Macau Scam), pinjaman tidak wujud, 419 Scam (African Scam) dan penipuan berkaitan pembelian dalam talian.

Ibu Pejabat Daerah Putrajaya pada tahun 2019 turut melaporkan bahawa pihak mereka menerima kira-kira 10 aduan berkaitan jenayah siber pada setiap bulan di mana kebanyakan mangsa terdiri daripada penjawat awam dan suri rumah. Sementara itu, dalam kajian oleh *Pew Research Center* pada tahun 2013 pula mendapati pengguna laman sosial yang terdiri daripada kalangan remaja lebih cenderung berkongsi pelbagai maklumat peribadi mereka di alam maya.

Meskipun mereka mampu untuk mengawal tetapan data privasi mereka di laman sosial, namun maklumat yang dikongsi tetap boleh dicapai oleh jaringan pengguna lain yang lebih bersifat luas di alam maya. *D Power and Associate and SSI Consumer Survey* (2016) dalam kajiannya ke atas lebih dari 8 500 pengguna laman sosial di enam buah negara pula mendapati berlakunya trend peningkatan terhadap pengguna yang hilang kawalan semasa berkongsi maklumat di media sosial dari tahun 1999 sehingga 2014 iaitu dari 80-90 % .

Dalam konteks ini, aspek kawalan ke atas diri sendiri untuk berkongsi maklumat peribadi menjadi faktor utama dalam membantu mengurangkan risiko jenayah siber daripada terus berlaku. Kesedaran dan kefahaman terhadap kepentingan menjaga maklumat peribadi di alam maya perlu dititiberatkan oleh pengguna khususnya dalam kalangan kanak-kanak, remaja, golongan tua dan golongan yang kurang terdedah dengan rencah media sosial seperti suri rumah. Sebagai pengguna, seharusnya perlu bersikap matang dalam menentukan jenis maklumat peribadi yang boleh dikongsi di media sosial. Selain mempunyai pengetahuan terhadap jenis-jenis risiko jangka masa panjang dan pendek terhadap keterbukaan berkongsi maklumat peribadi di media sosial, sikap ingin popular dan berkongsi masalah di media sosial juga perlu dielakkan terutama bagi golongan remaja dan wanita.

Justeru, literasi aplikasi media masa perlu diperluas dan dipertingkatkan bagi setiap golongan pengguna. Pelbagai bentuk program kesedaran dan pendedahan terhadap ancaman serta risiko yang bakal ditanggung pengguna perlu diberi melalui pendekatan yang bersifat *hand on* agar dapat melahirkan pengguna media sosial yang matang. Kerjasama strategik antara pemegang taruh dalam menganjurkan program literasi aplikasi media sosial melalui pendekatan *community engagement* boleh dilakukan agar komuniti lebih terdedah dengan rencah sebenar dunia media sosial.

Disediakan oleh

Dr. Khairunesa Hj. Isa  
Center for General Studies and Co-Curricular  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia